

520
NO. SOALAN : 520

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]**

SOALAN :

YB Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang melibatkan "*offshore gas dan oilfields*" dan "*onshore gas oilfields*" di Sarawak yang sedia ada dan telah dikeluarkan kepada PETRONAS, tarikh permulaan dan penamatannya dan siapakah rakan kongsi dan kontraktor yang terbabit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2016, terdapat sejumlah 27 Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) di Sarawak yang melibatkan 26 PSC terletak di luar pantai (*offshore*) dan 1 PSC di daratan (*onshore*). Kontrak PSC ini ditandatangani sejak tahun 80-an dan PSC terakhir dijangka tamat tempoh pada tahun 2040-an. Ianya melibatkan 13 pelabur asing yang terdiri daripada syarikat-syarikat terkemuka seperti Shell Malaysia Berhad, JX-Nippon Exploration and Production dan Murphy Oil Corporation.

Secara lazimnya, setiap PSC akan melalui Fasa Carian dan Fasa Pembangunan yang mengambil masa selama 8 hingga 9 tahun manakala tempoh untuk peringkat seterusnya iaitu Fasa Pengeluaran adalah bergantung kepada terma - terma yang dimeterai di antara pihak-pihak terlibat. Secara amnya, Fasa Pengeluaran memerlukan tempoh selama 20 hingga 25 tahun sehingga tamat tempoh PSC.

Sekian, terima kasih.

November 2016

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MICHAEL TEO YU
KENG [MIRI]**

SOALAN :

YB Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan Malaysia ingin meminda Akta Laut Wilayah Malaysia 2012, terutamanya Seksyen 3 dan 4 yang didakwa telah melanggar Artikel 1 Klause 3 dan Artikel 2 Perlembagaan Persekutuan.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Laut Wilayah 2012 telah digubal memandangkan tiada undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No. 7 1969 yang telah berhenti berkuatkuasa setelah proklamasi darurat diungkai.

Sekian. Terima kasih.